

30/05/2001

Raja Ariffin serah isu jawatan kepada pucuk pimpinan

ALOR STAR, Selasa - Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, menyerahkan kesahihan jawatannya kepada pucuk pimpinan parti berikutan bantahan yang dikemukakan oleh 114 cawangan bahagian itu, semalam.

Beliau yang dilantik Majlis Tertinggi (MT) menggantikan Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan kerana didapati bersalah terbabit dalam politik wang, juga akur dengan keputusan parti melantiknya memegang jawatan berkenaan.

Selain itu, katanya, beliau tidak menahu mengenai surat yang dikatakan ditandatangani 114 daripada 152 ketua Umno cawangan di Baling membantah pelantikannya.

"Saya akur dengan keputusan MT dan akan menjalankan tugas seperti diamanahkan semata-mata untuk kepentingan parti dan negara.

"Kesahihan pelantikan oleh MT biarlah ditentukan oleh pucuk pimpinan parti," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya tidak mampu bertugas kerana uzur, beliau berkata: "Kena datang tengok sendiri saya mampu bekerja atau tidak...bukan tuduh melulu."

Akhbar hari ini melaporkan 114 ketua Umno cawangan membantah pelantikan Raja Ariffin yang tewas kepada Zainol pada pemilihan parti April lalu kerana bercanggah dengan Perlembagaan Umno.

Mereka menghantar surat bantahan dan meminta penjelasan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah AHmad Badawi, semalam.

Surat berkenaan turut dihantar kepada Ketua Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga Menteri Besar.

Selain perlantikan Raja Ariffin sebagai Ketua Umno Baling tidak selaras dengan perlembagaan Umno, kumpulan itu juga mempertikaikan kesihatan Raja Ariffin yang mungkin sukar menjalankan tugas.

Pada 21 Mei lalu, MT Umno menerima perakuan Lembaga Disiplin parti memecat Zainol daripada jawatan dalam parti kerana mengamalkan politik wang ketika pemilihan April lalu.

(END)